

22 MAY 2002

Abdullah-Umno

PROSEDUR PEMILIHAN DALAM PUTERI UMNO DITETAPKAN

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Umno telah menetapkan prosedur pemilihan dalam Puteri Umno bagi menentukan proses pemilihan kepimpinan sayap terbaru parti itu, yang akan diadakan sebelum akhir tahun ini, berjalan lancar, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Prosedur itu perlu ditetapkan dengan jelas agar tidak timbul kekeliruan apabila mesyuarat pertama Puteri Umno di peringkat cawangan dan bahagian dijalankan nanti, kata Timbalan Presiden Umno kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pengurusan Umno di ibupejabat parti di sini.

Abdullah berkata penggal pegangan jawatan dalam Puteri Umno bagi semua peringkat adalah sama seperti Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno.

Bagaimanapun, katanya, Puteri Umno tidak akan melaksanakan sistem peratusan bagi memilih pemimpin di peringkat pusat seperti mana yang dilakukan Pemuda dan Wanita Umno.

Di bawah sistem peratusan itu calon-calon bagi jawatan Pemuda dan Wanita pusat perlu mendapat jumlah peratusan tertentu pencalonan untuk melayakkan diri bertanding.

"Kita harap menjelang penghujung tahun ini status penaja Puteri Umno akan ditamatkan kerana Puteri Umno akan diwujudkan sebagai sebahagian daripada struktur Umno dengan kepimpinan dipilih dalam mesyuarat," kata Timbalan Perdana Menteri.

Mengenai mesyuarat selama dua jam itu, Abdullah berkata mereka turut membincangkan beberapa persediaan untuk perhimpunan agung Umno bulan depan.

Katanya Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin Umno peringkat negeri dan bahagian pada 18 Jun diikuti persidangan Pergerakan Pemuda dan Wanita serta Konvensyen Puteri Umno keesokkan harinya. Perhimpunan agung Umno dijadualkan pada 20 dan 21 Jun

Abdullah turut mengalu-galukan kehadiran Ketua Penerangan Umno yang baru Tan Sri Megat Junid Megat Ayub pada mesyuarat itu.

Beliau menyatakan keyakinannya bahawa Megat Junid akan dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan sempurna.

Beliau berkata Umno akan mempertingkatkan kegiatan yang berbentuk penerangan terutama di peringkat bahagian.

"Ini supaya mesej yang hendak diberikan kepada anggota parti serta rakyat dapat diselaraskan agar tidak bercanggah dalam memberikan pendapat, pandangan atau menerangkan kedudukan parti serta dasar kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

AKT ZS RON